

KESETARAAN MAKNA KATA SAMARAN LARAS ALGORITMA DALAM MEDIA SOSIAL BERDASARKAN TEORI PROSODI SEMANTIK

(Semantic Equivalence of Algospeak as a Register in Social Media Based on Semantic Prosody Theory)

Hishamudin Isam   
din@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Hishamudin Isam. (2025). Kesetaraan makna kata samaran laras algoritma dalam media sosial berdasarkan analisis prosodi semantik. *Jurnal Bahasa*, 25(2), 235–264. [https://doi.org/10.37052/jb25\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb25(2)no2)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has gone peer review process)

Peroleh: Received:	24/6/2025	Semakan: Revised	12/8/2025	Terima: Accepted:	3/9/2025	Terbit dalam talian: Published online:	28/11/2025
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	----------	---	------------

Abstrak

Fenomena penggunaan kata laras algoritma dalam media sosial menunjukkan kemunculan strategi penyamaran linguistik yang membolehkan mesej bernada negatif disampaikan secara tersirat, namun kekal terselindung daripada sistem kawalan algoritma. Dengan berdasarkan sorotan literatur, didapati bahawa masih kurang pendekatan empirikal digunakan bagi memahami bentuk penyamaran visual kata laras algoritma yang kini penggunaannya makin meluas dalam wacana digital, dan kesan penyamaran tersebut terhadap makna asal kata yang terlibat. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kategori jenis kata yang lazim disamarkan bagi menggambarkan sisi negatif manusia dan meneliti kesetaraan makna tersirat antara kata samaran berbentuk laras algoritma dengan bentuk asal kata terlibat berpandukan teori prosodi semantik. Sebanyak 5,000 komen awam daripada Facebook diekstrak menggunakan aplikasi PhantomBuster sebagai sumber data utama. Pengumpulan data dilaksanakan melalui Application Programming Interface (API) dengan bantuan skrip automatik yang direka khusus untuk mengekstrak komen pengguna

secara sistematis. Analisis dilakukan secara kualitatif melalui kaedah pengkodan terbuka dan analisis tematik, disusuli oleh penerapan teori prosodi semantik yang berfokuskan pola kolokasi dan konteks makna penilaian yang mendasari ujaran. Hasil analisis menunjukkan bahawa pengguna media sosial cenderung untuk menyasarkan kelemahan individu dari aspek fizikal, moral, intelektual, sosial dan ideologi melalui bentuk penyamaran kata berbentuk laras algoritma, seperti “l3mb00”, “p3ny0nd0l” dan “m4c4l p0llt!k”. Walau bagaimanapun, dapatan kajian membuktikan bahawa transformasi ejaan tidak menjejaskan kekuatan makna asal kerana konteks kolokasi dan penilaian yang mengiringinya masih mengekalkan makna tersirat secara konsisten. Secara keseluruhan, penerapan teori prosodi semantik terbukti mampu menangani isu kekaburan makna dalam bahasa tersamar dan menyebabkan pengembangan wacana semantik digital secara empirikal dan kontekstual, khususnya melalui penyediaan asas metodologi untuk menganalisis strategi penyamaran kata dalam media sosial, serta menawarkan panduan praktikal bagi penyelidikan linguistik digital, pendidikan bahasa dan pengurusan kandungan digital.

Kata kunci: Laras algoritma, makna tersirat, prosodi semantik, media sosial, kolokasi, penyamaran bahasa

Abstract

The phenomenon of algospeak usage in social media reflects the emergence of linguistic masking strategies that enable negatively toned messages to be conveyed implicitly while remaining concealed from algorithmic monitoring systems. A review of the literature indicates that empirical approaches remain limited in examining the visual forms of algospeak disguises that are increasingly widespread in digital discourse, as well as their impact on the original meanings of the words involved. Therefore, this study was conducted to identify the categories of word types commonly disguised to represent negative human traits and to examine the semantic equivalence between algospeak disguised forms and their original lexical forms through the lens semantic prosody theory. A total of 5,000 public comments from Facebook were extracted using the PhantomBuster application as the primary data source. Data collection was carried out through an Application Programming Interface (API) supported by an automated script specifically developed to systematically extract user comments. The analysis was conducted qualitatively through open coding and thematic analysis, followed by the application of semantic prosody

theory with an emphasis on collocational patterns and evaluative meanings underlying the utterances. The findings reveal that social media users tend to target individual weaknesses in physical, moral, intellectual, social, and ideological domains through algospeak forms, such as “l3mb00”, “p3ny0nd0l”, and “m4c4l p0llt!k”. Nevertheless, the results demonstrate that orthographic transformations do not weaken the semantic force of the original words, as the accompanying collocational and evaluative contexts consistently preserve their implicit meanings. Overall, the application of semantic prosody theory proves effective in addressing ambiguity in disguised language and contributes to the empirical and contextualised advancement of digital semantic discourse, particularly by providing a methodological foundation for analysing lexical masking strategies on social media, as well as offering practical guidance for digital linguistics research, language education, and digital content management.

Keywords: Algospeak, implicit meaning, semantic prosody, social media, collocation, linguistic masking

PENDAHULUAN

Kewujudan dan pengukuhan algoritma penapisan kandungan dalam platform media sosial telah mengubah cara pengguna berinteraksi secara dalam talian. Perkembangan teknologi ini membolehkan sistem mengenal pasti dan menyekat kata yang dianggap sensitif, termasuklah yang mengandungi unsur lucah, kebencian, keganasan atau kritikan terhadap pihak berkuasa. Dalam usaha untuk mengekalkan kebebasan bersuara, segelintir pengguna tampil dengan strategi linguistik kreatif bagi mengelakkan sekatan kandungan. Dengan memberikan contoh kata “lesbian” yang sering digantikan dengan kata “le\$bean” dalam kandungan TikTok, Klug et al. (2023) menyatakan bahawa strategi ini melahirkan satu bentuk bahasa yang dikenali sebagai *algospeak*, iaitu penyamaran kata yang disengajakan untuk mengaburi sistem automatik tetapi masih dapat difahami oleh komuniti manusia yang menerima mesej tersebut. Dalam bahasa Melayu, istilah sasar bagi *algospeak* dirujuk sebagai laras algoritma (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2025).

Secara umum, laras algoritma merujuk bentuk penyimpangan ejaan yang bertujuan untuk mengelakkan pengesanan oleh sistem penapisan automatik, namun kekal difahami dalam kalangan pengguna. Fillies dan Paschke (2024) menyatakan bahawa antara ciri umum kata laras

algoritma ialah penggunaan simbol atau nombor untuk menggantikan huruf (contohnya, kata “s3x” bagi “sex”), penyisipan tanda baca dalam ejaan (“s.u.i.c.i.d.e”), penggandaan huruf (“k1llll”) dan pelepasan sebahagian struktur kata asal, seperti “unalv” yang digunakan untuk menggantikan “unalive”, dengan semuanya bertujuan untuk mengelakkan sistem pengesanan automatik, tetapi masih dapat difahami oleh manusia. Kata laras algoritma sering bersifat kreatif, fleksibel dan berubah-ubah bergantung pada komuniti maya. Keupayaannya untuk menyampaikan mesej secara tersirat, tetapi tetap difahami menjadikan penggunaannya makin meluas dalam wacana digital kontemporari. Hal ini sejajar dengan pandangan Gohil dan Smith (2024) yang menekankan bahawa kata laras algoritma makin berpengaruh dalam bahasa harian, namun tahap kefahamannya berbeza-beza bergantung pada kumpulan sosial, seterusnya menandakan sifatnya yang fleksibel, serta dipengaruhi oleh norma dan praktik komunikasi dalam komuniti pengguna.

Namun demikian, penyamaran kata laras algoritma menimbulkan cabaran besar terhadap pemahaman makna, khususnya dari segi semantik dan konteks penggunaan. Hal ini dikatakan demikian kerana Steen et al. (2024) menyatakan bahawa terdapat banyak kata laras algoritma digunakan untuk menyampaikan kritikan, sindiran atau penghinaan terhadap individu, kumpulan atau pihak tertentu, tetapi dilakukan dalam bentuk yang sukar dikesan oleh algoritma. Keadaan ini menjadikan wacana dalam talian lebih kompleks untuk dianalisis, terutamanya apabila mesej yang bersifat toksik atau mengandungi kebencian disampaikan secara terselindung. Kekaburan makna yang wujud akibat penyamaran kata menimbulkan persoalan tentang keupayaan sesuatu bentuk kata yang disamarkan itu membawa makna asal yang sama, atau telah bergeser maknanya mengikut konteks penggunaannya (Ali Muttaleb Hasan et al., 2020; Jahan, & Irfan, 2021).

Sehubungan dengan itu, kajian tentang kata laras algoritma wajar dilakukan secara lebih terperinci, bukan sahaja untuk memahami bentuk dan ciri penyamaran kata, malah untuk menganalisis kesetaraan makna antara kata samaran dengan kata asal. Dalam bidang linguistik, analisis prosodi semantik yang diperkenalkan oleh Stewart (2010) menawarkan pendekatan yang sesuai untuk mengenal pasti hubungan makna berdasarkan kolokasi kata dan kecenderungan semantik yang terbentuk dalam sesuatu konteks penggunaan. Pendekatan ini menjadi amat relevan apabila penyamaran kata dalam media sosial didapati menimbulkan kekaburan makna yang signifikan, yang bukan sahaja mengganggu proses tafsiran makna tersirat, malah berpotensi untuk mengaburkan sempadan etika komunikasi digital.

Kajian seumpama ini bukan sahaja memberikan sumbangan terhadap pembangunan wacana linguistik digital, tetapi juga dapat dimanfaatkan dalam bidang pendidikan bahasa, pengurusan kandungan digital dan penyelidikan kritis tentang budaya komunikasi siber. Walaupun kata laras algoritma sering diperdebatkan sebagai suatu bentuk penyimpangan atau kerosakan bahasa kerana menyimpang daripada norma ejaan dan tatabahasa konvensional, analisis terhadapnya tetap penting. Hal ini dikatakan demikian kerana di balik potensi kerosakan tersebut, kata laras algoritma mencerminkan kreativiti linguistik, daya adaptasi pengguna terhadap kawalan algoritma dan strategi komuniti maya bagi memastikan mesej masih dapat difahami. Selaras dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mencapai dua objektif utama, iaitu mengenal pasti kategori jenis kata yang biasanya dijadikan kata laras algoritma untuk menggambarkan sisi negatif manusia dan mengenal pasti kesetaraan makna tersirat antara kata samaran berbentuk laras algoritma dengan kata asal berdasarkan penerapan teori prosodi semantik melalui pola kolokasi dan penilaian kata yang digunakan dalam media sosial.

KAJIAN LEPAS

Fenomena kata laras algoritma dan penyamaran kata makin mendapat perhatian dalam penyelidikan komunikasi digital kerana kedua-duanya berkait rapat dengan strategi linguistik yang digunakan oleh pengguna media sosial untuk menyesuaikan diri dengan kawalan algoritma. Kajian pada peringkat tempatan membuktikan bahawa ciri bahasa tidak konvensional wujud sejak awal melalui penggunaan *netspeak* dan *leetspeak*. Sebagai contoh, Dean Yeo dan Su-Hie Ting (2016) mendapati bahawa penggunaan *netspeak* dalam Facebook membantu pelajar universiti untuk membentuk identiti digital. Sumbangan kajian ini terletak pada penjelasan tentang hubungan antara bahasa dengan identiti, namun kelemahannya ialah ketiadaan perkaitan dapatan dengan isu penapisan algoritma atau makna tersirat. Sementara itu, Nur Nashatul Nasuha Nazman et al. (2022) menekankan bahawa peminjaman simbol dan pembentukan kata baharu berfungsi sebagai inovasi leksikal di Twitter, manakala Zulfati Izazi Zulkifli dan Tengku-Sepora Tengku Mahadi (2020) menegaskan bahawa penggunaan slanga dan *leetspeak* dalam Twitter berbahasa Melayu menjadi norma kreatif. Kedua-dua kajian ini jelas membuktikan kepelbagaian bentuk linguistik dalam media sosial tempatan, namun pengkaji tersebut tidak meneliti strategi penyamaran terhadap penapisan algoritma dan tidak mengkaji kesetaraan makna secara mendalam.

Kajian yang lebih khusus mengenai kata laras algoritma dilakukan oleh Hishamudin Isam (2024) yang menekankan strategi penyamaran kata sebagai tindak balas terhadap sekatan algoritma, sekali gus membuktikan kewujudan budaya digital tersirat. Dalam kajian susulan, Hishamudin Isam (2025) memperluas perbincangan terhadap pengaruh kecerdasan buatan dalam komunikasi digital dan merumuskan bahawa laras algoritma ialah tindak balas terhadap tekanan teknologi yang akhirnya membentuk norma bahasa siber. Sumbangan penting kajian ini ialah hubungannya dengan faktor teknologi dan kecerdasan buatan, namun kelemahannya ialah kajian tersebut tidak meneliti kesetaraan makna tersirat antara kata asal dengan kata samaran secara empirikal.

Penyelidikan antarabangsa turut memperlihatkan variasi pendekatan. Moskal dan Supernak (2023) menggunakan kerangka linguistik kognitif dan membuktikan bahawa pembentukan laras algoritma sering melibatkan pemikiran metafora dan pemetaan semantik kolektif, justeru menunjukkan asas kognitif fenomena ini. Pocock (2024) melalui analisis perlombongan teks mendapati bahawa bentuk laras algoritma tertentu kerap muncul dalam platform, seperti TikTok dan Reddit, lalu membuktikan kewujudan subbudaya linguistik digital. Kedua-dua kajian ini kukuh dari sudut metodologi analisis data, namun kelemahannya ialah kajian ini hanya menekankan bentuk linguistik tanpa menilai implikasi makna. Dari sudut komunikasi pula, Gerbaudo (2024) menunjukkan bahawa algoritma mendorong pengguna untuk menggunakan gaya bahasa yang lebih tersirat dan terkodifikasi. Hasil yang hampir sama ditunjukkan oleh Narayanan (2023) dan Singer (2022) yang membuktikan bahawa pengguna menyesuaikan bahasanya agar mesej tidak disekat oleh sistem. Sumbangan kajian ini ialah penjelasan tentang kaitan antara kawalan algoritma dengan kreativiti bahasa, tetapi kelemahannya ialah ketiadaan analisis semantik tentang kesetaraan makna.

Fenomena penyamaran kata dan kekaburan makna juga banyak dikaji. Misalnya, Nik Puteri Fatin Nor'ain dan Maslida Yusof (2024) meneliti penggunaan singkatan oleh Generasi Z yang dapat mengakibatkan kekaburan makna dan mendapati bahawa gaya ringkas ini menjadi sebahagian daripada ekspresi generasi tersebut. Kajian ini memberikan sumbangan terhadap pemahaman gaya komunikasi remaja, namun tiada penelitian penyamaran kata atau makna tersirat. Mardina Hj Mahadi dan Nurul Azyan Zunaidi (2021) pula membuktikan kewujudan kekaburan makna konotatif dalam kata pikat, sekali gus menunjukkan kepentingan konteks, tetapi tidak dikaitkan dengan fenomena laras algoritma. Seterusnya, Fazal Mohamed dan Muhammad Syafreza Azwan (2021)

meneliti penggunaan slanga bersifat minimalis, manakala Mohd Norazizi Samsudain dan Mardian Shah Omar (2021) pula mengenal pasti bentuk serangan terselindung dalam wacana politik di Facebook. Walaupun kedua-dua kajian tersebut memberikan sumbangan dalam pengenalanpastian strategi bahasa, kelemahannya ialah ketiadaan penelitian kesetaraan makna antara kata asal dengan kata samaran.

Penyelidikan pada peringkat antarabangsa turut mengesahkan fenomena ini. Farkas dan Neumayer (2018) membincangkan propaganda terselindung melalui pendekatan wacana kritikal dan menekankan dimensi ideologi, tetapi tidak mengupas aspek semantik. Grieve et al. (2018) pula memetakan inovasi leksikal, termasuklah penyamaran kata melalui analisis statistik, namun tidak menghubungkannya dengan makna tersirat. Di Marco et al. (2024) yang meneliti perubahan gaya bahasa dalam komen media sosial melalui kerangka pendekatan berasaskan evolusi, serta Ahmed et al. (2021) yang menggunakan pembelajaran mesin untuk mengesan penyamaran kata dalam penipuan atas talian, memberikan sumbangan terhadap metodologi pengenalanpastian bentuk linguistik. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian tersebut tidak menilai pemaknaan tersirat. Reagle dan Gaur (2022) menyoroti penggunaan bahasa berbelit oleh penyedia perkhidmatan digital, manakala Ezeudo (2024) dan Nurasia Natsir et al. (2023) membincangkan kesan teknologi terhadap perubahan struktur bahasa. Walaupun berguna dari sudut sosiolinguistik, kajian ini terlalu umum dan tidak meneliti kesetaraan makna secara sistematik.

Secara keseluruhan, sorotan ini membuktikan bahawa penyelidikan terdahulu berjaya mengenal pasti fenomena kata laras algoritma dan penyamaran kata sebagai strategi linguistik dalam komunikasi digital. Dapatan utama kajian lalu menekankan kepelbagaian bentuk linguistik, hubungan antara bahasa dengan identiti digital, serta kaitannya dengan tekanan algoritma. Dari sudut kekuatan, kajian terdahulu memberikan sumbangan terhadap pemahaman fenomena ini melalui pendekatan yang pelbagai, sama ada linguistik kognitif, analisis perlombongan teks atau wacana kritikal. Dari sudut kelemahan, kebanyakan kajian tersebut hanya menekankan bentuk permukaan atau fungsi sosial tanpa meneliti makna tersirat. Lompang penyelidikan yang jelas ialah ketiadaan analisis empirikal yang memberikan tumpuan terhadap kesetaraan makna antara kata asal dengan kata samaran. Oleh itu, penyelidikan yang lebih sistematik dan empirikal dengan menggunakan kerangka prosodi semantik perlu dilakukan untuk memahami fenomena ini secara menyeluruh dalam konteks media sosial yang makin kompleks.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif-pragmatik seperti yang diuraikan oleh Davis (2023), yang sesuai untuk menganalisis data bahasa dalam konteks sosial yang dinamik dan tersirat. Pendekatan ini membolehkan analisis dilakukan terhadap bentuk linguistik laras algoritma dalam komen negatif media sosial dan kategori kata yang lazim digunakan untuk menggambarkan sisi negatif manusia. Pendekatan ini juga mendukung penerapan teori prosodi semantik dalam penentuan kesetaraan makna tersirat antara kata samaran dengan kata asal melalui pemerhatian terhadap kolokasi dan konteks penilaian dalam interaksi digital. Page et al. (2014) menegaskan kepentingan analisis makna berdasarkan konteks penggunaan sebenar, manakala Braun dan Clarke (2022) menyediakan asas sistematik bagi pelaksanaan analisis tematik. Perbincangan metodologi difokuskan kepada tiga komponen utama, iaitu kaedah pengumpulan data, penerapan teori dan prosedur analisis.

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dilakukan secara automatik melalui aplikasi PhantomBuster bagi mengekstrak komen awam di Facebook, dengan tumpuan terhadap bentuk laras algoritma yang menggambarkan sisi negatif manusia. Proses ini menggunakan Application Programming Interface (API) dan skrip automatik khas yang direka untuk mengesan dan memuat turun komen yang mengandungi bentuk penyamaran, seperti “l3mb00” (lembu), “pnsyndl” (penyondol) dan “m@chai p00leti?” (macai politik). Skrip disusun untuk menyaring sekurang-kurangnya 5,000 komen pengguna Facebook yang dikumpulkan daripada ruangan komen berita politik dan sosial sepanjang 1 Mac 2025 hingga 31 Mac 2025 (sebulan). Pemilihan ruangan komen ini berdasarkan pandangan Rossini et al. (2020) yang menganggap ruangan tersebut berfungsi sebagai wadah wacana awam yang aktif dan mencerminkan isu semasa yang mendapat perhatian masyarakat. Sementara itu, Eiswirth (2020) menyatakan bahawa tempoh pengumpulan data selama sebulan bagi data media sosial boleh diaplikasikan jika data yang diperolehi mencukupi dari segi jumlah. Hal ini bagi mengawal jumlah data untuk dianalisis secara mendalam bagi memberikan gambaran yang dapat mewakili corak penggunaan bahasa dalam tempoh isu hangat berlangsung. Data dimuat turun dalam format CSV dan JSON, kemudian dianalisis menggunakan Microsoft Excel dan NVivo bagi memastikan keutuhan struktur dan keseragaman pengurusan data.

Pemilihan PhantomBuster berasaskan keupayaannya untuk menjalankan pemerolehan data awam berskala besar dengan kebolehpercayaan tinggi (PhantomBuster, 2024). Perisian ini membolehkan proses pengumpulan data daripada pelbagai platform digital dilakukan secara automatik, konsisten dan berulang tanpa memerlukan intervensi manual yang intensif. Hal tersebut penting kerana data media sosial bersifat dinamik dan berubah dengan cepatnya (Zhao, 2025), justeru PhantomBuster berupaya memastikan data dikumpulkan dalam jumlah yang banyak dalam tempoh yang singkat dengan tahap konsistensi yang tinggi untuk tujuan analisis akademik (FullEnrich, t.t.). Serodio et al. (2024) turut menegaskan bahawa alat automasi seperti ini sangat berguna dalam penyelidikan sosial kerana dapat memperkaya data dengan maklumat tidak berstruktur daripada interaksi sebenar. Facebook pula dipilih kerana sifatnya sebagai ruang wacana awam yang mencerminkan realiti sosial semasa. Hal ini turut dibuktikan oleh Camaj et al. (2024) yang mendapati bahawa komen pengguna di platform tersebut, khususnya ketika debat politik, memaparkan gabungan antara wacana rasional dengan wacana tidak beradab. Keadaan ini menunjukkan bahawa Facebook bukan sahaja menjadi saluran ekspresi pandangan, tetapi juga wadah penting untuk memahami pola komunikasi awam, sekali gus menjadikannya sumber yang bersesuaian untuk menganalisis penyamaran kata dan makna tersirat berdasarkan teori prosodi semantik.

Teori dan Penerapan

Teori prosodi semantik yang diperkenalkan oleh Stewart (2010) berpaksikan bahawa makna kata tidak hanya terhad pada takrifan leksikal atau struktur tatabahasa, tetapi turut terbentuk melalui konteks kolokasi dan pola penggunaannya dalam wacana. Dengan berdasarkan pendekatan linguistik korpus, sarjana tersebut mengenal pasti konotasi tersembunyi yang lahir daripada hubungan berulang antara kata dengan sekitaran linguistiknya. Kata yang kelihatan neutral dapat membawa makna penilaian, bergantung pada sejarah kolokasinya. Grabowski dan Trklja (2024), serta Russnes (2024), menyokong bahawa teori ini menyumbang secara signifikan terhadap bidang semantik kerana menyediakan pendekatan empirikal yang lebih tepat berbanding dengan pentafsiran intuitif.

Teori ini dibina atas lapan konsep utama, iaitu makna penilaian (evaluative meaning), pembiasaan makna (priming), persekitaran kolokatif (collocational environment), kutub nilai (polarity), keutamaan semantik (semantic preference), koligasi (colligation), pindahan makna

(transferred meaning) dan lekapan makna (attached meaning). Penjelasan lanjut berkenaan pemahaman konsep berserta contohnya dapat diteliti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Lapan konsep utama dalam teori prosodi semantik.

Konsep	Penjelasan	Contoh
Makna Penilaian	Konotasi emosional yang timbul daripada kolokasi berulang.	Kata “banjir” sering dikaitkan dengan kata “bencana” → memberikan penilaian negatif.
Pembiasaan Makna	Proses penyerapaan makna tersirat melalui pendedahan berulang.	Kata “mahal” berulang-ulang kali digunakan bersama-sama frasa “kualiti tinggi” → pembaca menyerap konotasi positif.
Sekitaran Kolokatif	Konteks kata sekeliling mempengaruhi tafsiran makna sesuatu kata.	Kata “hijau” dalam frasa “ekonomi hijau” → bermakna lestari, bukan sekadar warna.
Kutub Nilai	Arah penilaian sesuatu kata, sama ada positif, negatif atau neutral.	Kata “cemerlang” → kata positif; “korupsi” → kata negatif; “meja” → kata neutral.
Keutamaan Semantik	Kecenderungan kata untuk bergabung dengan medan makna tertentu.	Kata “doktor” sering bergabung dengan kata “hospital”, “pesakit” dan “rawatan”.
Koligasi	Kecenderungan kata untuk bergabung dalam struktur tatabahasa tertentu.	Kata “berjaya” biasanya hadir dengan kata kerja pasif: “berjaya dicapai”.
Pindahan Makna	Makna penilaian dipindahkan daripada satu kata kepada satu kata lain yang berhubungan.	Kata “virus” dalam frasa “virus sosial” → makna negatif dipindahkan daripada bidang biologi kepada bidang sosial.
Lekapan Makna	Makna penilaian menjadi tetap kerana penggunaan yang berterusan.	Kata “ulat buku” → makna positif melekat sebagai metafora bagi orang yang rajin membaca.

Teori ini sesuai diaplikasikan untuk menjelaskan kekaburan makna akibat ejaan tidak konvensional, variasi visual dan penyamaran kata dalam wacana digital. Menurut Yang (2024), teori ini dapat mengenal pasti, sama ada bentuk laras algoritma masih mengekalkan kutub nilai asalnya atau tidak. Melalui pendekatan kolokasi dan korpus, Pornthip Supanfai (2017) membuktikan bahawa kesetaraan makna dapat dikesan antara kata asal dengan bentuk samar. Oleh itu, teori prosodi semantik menawarkan asas yang kukuh bagi penyelidikan semantik digital, seperti yang dibuktikan dalam analisis wacana politik tersembunyi oleh Wulansari (2021) dan Yi Shan (2023).

Prosedur Analisis Data

Proses penganalisan data bagi objektif pertama dilakukan melalui proses pengekodan terhadap komen yang dikumpulkan dengan tujuan untuk mengenal pasti kategori kata yang lazim dijadikan laras algoritma untuk menggambarkan sisi negatif manusia. Pada peringkat awal, semua komen dibaca berulang-ulang kali untuk membolehkan penyelidik memahami data dan konteks penggunaannya. Kod awal kemudiannya dijana dengan menandakan kata atau frasa yang menunjukkan bentuk penyamaran kreatif, seperti penggantian huruf dengan angka (l3mb00 bagi lembu), gabungan konsonan (pnsyndl bagi penyondol), penggunaan simbol (m@chai bagi macai), serta modifikasi fonetik atau ejaan separa asing (sundel, lembuq). Kod ini seterusnya digabungkan dan dikelompokkan kepada tema awal mengikut pendekatan enam fasa analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2022), iaitu bermula dengan pembiasaan dengan data (familiarisation) melalui pembacaan berulang-ulang untuk memahami konteks keseluruhan, diikuti oleh penjanaan kod awal secara sistematik terhadap kata atau frasa yang relevan. Selepas itu, pencarian tema dilakukan dengan menggabungkan kod yang mempunyai persamaan makna, kemudian melalui semakan tema bagi memastikan kesepadanan antara data dengan tema yang terbentuk. Seterusnya, pendefinisian dan penamaan tema dilakukan dengan memberikan takrifan yang jelas terhadap setiap tema, sebelum berakhir dengan penyediaan laporan yang menyusun tema tersebut dalam bentuk analisis menyeluruh. Hasil daripada proses ini, tema dominan yang dikenal pasti ialah emosi, mentaliti lemah, metafora haiwan, perlakuan seksual dan sifat moral, sekali gus menjelaskan corak penyamaran kata yang berfungsi untuk menyampaikan maksud negatif dalam konteks wacana digital semasa.

Bagi objektif kedua, analisis prosodi semantik diterapkan untuk menilai kesetaraan makna tersirat antara kata samaran dengan kata asal berdasarkan lapan konsep utama teori prosodi semantik oleh Stewart (2010). Setiap bentuk laras algoritma dianalisis dari aspek kolokasi utama dan sampingan, serta dibandingkan dengan kata asal dari segi bentuk, makna dan konteks. Sebagai contoh, kata “p3nc4cai” mengekalkan irama fonetik asal dan merujuk individu yang taat secara membata tuli dalam konteks politik. Komen, seperti “Kau ni memang p3nc4cai nombor satu bos kau. Bodoh piang, asyik menjilat, makan dedak, jual maruah diri, langsung tak ada pendirian!” menunjukkan padanan bentuk, makna dan konteks. Antara kolokasi utama termasuklah “menjilat, makan dedak, dan jual maruah diri”, manakala kolokasi sampingan ialah “bodoh piang” dan “tak ada pendirian”. Kesetaraan semantik disimpulkan apabila kata samaran mengekalkan prosodi makna asal walaupun bentuknya diubah, sekali gus membuktikan kekaburan ejaan tidak menghapuskan makna tersirat yang dibawa.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memaparkan dapatan dan perbincangan yang membincangkan kedua-dua objektif, iaitu pengenalpastian kategori jenis kata yang biasanya dijadikan laras algoritma untuk menggambarkan sisi negatif manusia dan penerapan analisis prosodi semantik bentuk laras algoritma untuk mengenal pasti kesetaraan makna tersirat antara kata samaran dengan kata asal melalui pola kolokasi dan penilaian yang digunakan dalam media sosial.

Pengenalpastian Kategori Jenis Kata yang Biasanya Dijadikan Laras algoritma

Dalam analisis ini, ditemukan lapan kategori jenis kata, iaitu emosi atau mentaliti lemah, metafora haiwan, perlakuan seksual atau lucu, politik atau ideologi, sifat moral atau perangai buruk, status sosial atau ekonomi, tahap intelek atau pendidikan, dan tubuh badan atau cacat fizikal. Semua kategori ini, yang dapat dilihat dalam Jadual 2, menggambarkan cara pengguna memanipulasi bahasa melalui bentuk laras algoritma untuk menyindir, menghina atau menjatuhkan maruah individu lain secara terselindung untuk mengelakkan pengesanan algoritma penapisan.

Jadual 2 Pengkategorian jenis penyamaran kata bersifat laras algoritma.

Kategori	Kata	Jumlah	Peratusan
Emosi/Mentaliti Lemah	Pengecut	118	1.94%
	Takde Pendirian	116	1.73%
	Emosi Tak Stabil	114	1.51%
	Kemurungan Perangai	112	1.29%
Metafora Haiwan	Lembu	165	7.01%
	Babi	145	4.85%
	Anjing	140	4.31%
	Beruk	130	3.24%
Perlakuan Seksual/ Lucah	Tukang Jilat	128	3.02%
	Jual Diri	124	2.59%
	Main Belakang	115	1.62%
	Buka Kain	115	1.62%
Politik/Ideologi	Macai Politik	145	4.85%
	Penjilat Tegar	130	3.24%
	<i>Cybertrooper</i>	130	3.24%
	Tukang Angguk	128	3.02%
Sifat Moral/Perangai Buruk	Penyondol	155	5.93%
	Muka Tak Malu	140	4.31%
	Penipu Besar	138	4.1%
	Berlidah Biawak	132	3.45%
Status Sosial/Ekonomi	Batak	140	4.31%
	Bangsat	135	3.78%
	Pengemis Perhatian	132	3.45%
	Kuli	130	3.24%
Tahap Intelek/ Pendidikan	Bodoh Piang	122	2.37%
	Buta Huruf	118	1.94%
	SPM Tak Lepas	118	1.94%
	Tak Sekolah	117	1.83%
Tubuh Badan/Cacat Fizikal	Muka Tembok	128	3.02%
	Muka Pecah Rumah	125	2.7%
	Otak Udang	122	2.37%
	Pendek Akal	120	2.16%

Dengan berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat bahawa kategori metafora haiwan muncul sebagai kategori yang paling dominan dengan jumlah tertinggi, menyumbang 580 penyamaran kata atau 19.41 peratus daripada keseluruhan data. Antara kata yang kerap digunakan termasuk **lembu** (165), **babi** (145), **anjing** (140) dan **beruk** (130), yang secara simbolik digunakan untuk mewakili ciri patuh membuta tuli, kekotoran, pengkhianatan dan kebodohan. Kategori sifat moral atau perangai buruk berada pada kedudukan kedua tertinggi dengan jumlah keseluruhan 565 kata (18.77%), termasuklah kata, seperti **penyondol** (155), **penipu besar** (138) dan **berlidah biawak** (132), yang memperlihatkan penghinaan terhadap integriti dan kejujuran individu. Kategori politik atau ideologi berada pada tangga ketiga dengan jumlah 533 kata (17.16%) yang terdiri daripada kata, seperti **macai politik** (145), **penjilat tegar** (130) dan **cybertrooper** (130). Penggunaan kata ini menandakan kewujudan sikap sinikal terhadap penyokong politik yang dilihat sebagai pengikut yang taksub dan tidak rasional.

Kategori lain yang turut menonjol termasuklah status sosial atau ekonomi (537 kata, 17.28%), perlakuan seksual atau lucu (482 kata, 15.55%), tahap intelek atau pendidikan (475 kata, 15.09%), tubuh badan atau cacat fizikal (495 kata, 15.49%) dan emosi atau mentaliti lemah (460 kata, 14.22%). Walaupun perbezaan antara kategori ini tidak terlalu besar dari segi jumlahnya, angka ini tetap menunjukkan kecenderungan pengguna untuk menyamakan penghinaan menerusi pelbagai aspek nilai manusia. Jadual 2 juga menunjukkan tiga kata yang mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu **lembu** (metafora haiwan) sebanyak 165 sebutan atau 7.01 peratus, **penyondol** (sifat moral atau perangai buruk) sebanyak 155 sebutan atau 5.93 peratus dan **macai politik** (politik atau ideologi) sebanyak 145 sebutan atau 4.85 peratus. Ketiga-tiga kata ini dianalisis secara lanjut dalam objektif kedua dengan menerapkan teori prosodi semantik untuk mengenal pasti kesetaraan makna tersirat antara kata samaran dengan kata asal melalui pola kolokasi dan penilaian yang digunakan dalam media sosial.

Sebagai rumusan daripada dapatan keseluruhan objektif satu, pengguna media sosial cenderung untuk menyerang pelbagai aspek kelemahan individu, seperti fizikal, moral, mental, sosial dan ideologi, melalui penyamaran bentuk bahasa. Fenomena ini mencerminkan tahap kreativiti yang tinggi dalam pembentukan kod linguistik alternatif yang mampu menyampaikan sindiran secara tajam, tetapi sukar dikesan oleh sistem kawalan algoritma (Devi & Saharia, 2023). Sigit Haryanto et al. (2023) turut menyokong penemuan ini apabila mendapati bahawa pengguna

media sosial cenderung untuk memilih eufemisme metaforikal sebagai medium untuk menyuarakan kritikan sosial dan politik secara tersirat, yang mengandung elemen nilai moral dan ideologi yang tersembunyi. Farrow et al. (2021) pula membuktikan bahawa penggunaan eufemisme berupaya mengaburkan tindakan tidak bermoral agar kelihatan lebih dapat diterima oleh khalayak. Strategi ini mempengaruhi persepsi etika dalam penilaian pengguna. Melalui elemen penyamaran yang bersifat sindiran halus ini, dapat disimpulkan bahawa laras algoritma bukan sekadar perubahan bentuk secara visual, sebaliknya berfungsi sebagai operator semantik yang membawa beban prosodi yang kuat dan kekal berkesan untuk menyampaikan makna tersirat dalam konteks interaksi digital. Sebagai rumusan, dapat dikatakan bahawa dapatan objektif pertama bukan sahaja memperjelas bentuk penyamaran kata yang digunakan, malah membuktikan bahawa bahasa berperanan sebagai alat kuasa dalam wacana digital yang menuntut perhatian kritikal daripada penyelidik linguistik, pendidik bahasa dan penggubal dasar komunikasi siber.

Kesetaraan Makna Tersirat antara Kata Samaran Berbentuk Laras Algoritma dengan Kata Asal Berdasarkan Penerapan Analisis Prosodi Semantik

Analisis kesetaraan makna tersirat antara kata samaran berbentuk laras algoritma dengan kata asal berdasarkan prosodi semantik melibatkan tiga kata yang mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu **lembu** (kategori metafora haiwan), **penyondol** (kategori sifat moral atau perangai buruk) dan **macai politik** (kategori politik atau ideologi).

Lembu (Kategori Metafora Haiwan)

Kata **lembu** merupakan bentuk laras algoritma yang paling dominan dalam keseluruhan data yang dikumpulkan dengan jumlah sebanyak 165 kemunculan atau 7.01% daripada keseluruhan data. Pengguna media sosial menunjukkan tahap kreativiti yang tinggi dalam penyamaran kata ini bagi mengelakkan sekatan algoritma tanpa mengorbankan kefahaman maksud sebenar oleh khalayak. Sepuluh bentuk penyamaran utama telah dikenal pasti, termasuklah **l3mb00**, **l3m8u**, **lem8u**, **l3mbu** dan **1embu**, yang memanfaatkan penggunaan angka sebagai pengganti huruf. Angka 3, 8, dan 1 dipilih kerana bentuk visualnya yang menyerupai huruf asal seperti e, b, dan l, sekali gus mengekalkan kejelasan fonetik kata yang dimaksudkan. Pendekatan ini menunjukkan strategi penyamaran yang berorientasikan bentuk apabila transformasi ejaan tidak mengaburkan makna yang ingin disampaikan.

Selain itu, bentuk penyamaran yang lebih kompleks turut dikesan, seperti **l3mbu** yang menggunakan simbol khas (Eszett ß), **l.e.m.b.u** yang menyisipkan tanda baca antara huruf, serta **l*mbu** yang menggantikan satu huruf dengan simbol asterisk. Variasi lain, seperti **lembuuuu** dan **lembu~** pula memperlihatkan gaya penyamaran dengan elemen ekspresif, sama ada berbentuk sarkastik melalui penggandaan huruf atau bersifat visual dengan sisipan simbol tambahan. Semua bentuk ini tetap dapat dikenali maknanya kerana bergantung pada persepsi fonetik pembaca dan konteks ujaran. Hal ini seiring dengan hujah Mandy Lau (2022), iaitu analisis ini membuktikan bahawa dalam budaya komunikasi digital, pengguna bukan sahaja berupaya untuk mencipta bentuk bahasa baharu yang kreatif, malah mampu menyampaikan makna asal secara tersirat dengan menyamarkan ejaan agar lolos daripada kawalan sistem algoritma. Semua 10 bentuk penyamaran laras algoritma bagi kata **lembu** boleh diteliti dalam 10 contoh penggunaannya dalam ayat yang berjaya dikesan daripada media sosial seperti yang berikut.

1. Kau ni **l3mb00** betul, semua benda nak ikut je tanpa fikir dulu, mcm **b0d0w** takde akal langsung. [L/la2-201/f]
2. Dari tadi aku tengok kau ikut je si tu bercakap, **l3m8u** sungguh perangai kau, **s@mp@h** intelek! [L/la2-1049/f]
3. Jangan jadi **l3mbu** je bila orang suruh, otak ada tapi guna macam **p3n0m**, fikir la sikit!
4. Boleh tak berhenti jadi **lem8u** dalam group ni, semua arahan dia kau telan bulat-bulat, mcm **0t@k b3ku**! [L/la2-531/f]
5. Kau ni **1embu** ke manusia? Semua benda nak sokong walaupun terang-terang **s@l@h**, **t@kde** prinsip langsung. [L/la2-117/f]
6. Jgn harap aku nak jadi **l3mbu** mcm kau, ikut je apa si **p4l3ng b0d0** tu cakap, **p3mikiran** kelas tadika. [L/la2-902/f]
7. Kadang aku pelik, manusia mcm **l.e.m.b.u** mcm kau ni mcm takde **m@ru@h** langsung, dipijak pun diam je. [L/la2-4005/f]
8. Adoi, kau ni **lembuuuu** tahap dewa, semua *post* dia kau *like* walaupun **j3l3k** giler, takde *taste* lansung. [L/la2-353/f]
9. Kalau ada *award* utk paling **lembu~**, aku rasa kau menang la, **p3ng3kut** dan **t4kut** nak tegur benda **s@l@h**. [L/la2-0098/f]
10. Boleh tak jangan jadi **l*mbu** yg ikut je trend tanpa faham, semua **b0d0h** pun kau nak ikut sekaki? [L/la2-3091/f]

Dengan berdasarkan 10 ayat yang dianalisis ini (Ayat 1 hingga Ayat 10), dapat diperhatikan bahawa hampir semua bentuk penyamaran kata **lembu** mengekalkan padanan bentuk (form matching) yang hampir menyerupai struktur asal walaupun berlaku perubahan pada beberapa fonem. Bentuk, seperti **l3mb00** (Ayat 1), **l3m8u** (Ayat 2), **l3mbu** (Ayat 3), **lem8u** (Ayat 4), **1lembu** (Ayat 5), **l3m8u** (Ayat 6), **l.e.m.b.u** (Ayat 7), **lembuuuu** (Ayat 8), **lembu~** (Ayat 9) dan **l*mbu** (Ayat 10), mengekalkan bilangan suku kata, ritma dan pola fonologi kata asal. Walaupun terdapat variasi simbol dan angka, bentuk ini masih dapat dikenal pasti dengan mudahnya sebagai rujukan terhadap kata asal.

Dari sudut padanan makna (meaning matching), semua kata samaran ini digunakan dalam konteks untuk menghina atau merendahkan kebolehan kognitif individu yang menggambarkan orang yang menurut secara membuta tuli. Sebagai contoh, dalam ayat “Kau ni **l3mb00** betul, semua benda nak ikut je tanpa fikir dulu, mcm **b0d0w** takde akal langsung” (Ayat 1), frasa **ikut je tanpa fikir**, kata **b0d0w** dan frasa **takde akal**, jelas menunjukkan bahawa makna sindiran terhadap daya intelek yang rendah. Hal ini memperlihatkan bahawa penyamaran visual tidak mengubah niat makna penghinaan yang terkandung dalam kata itu. Padanan konteks (context matching) dapat dikenal pasti melalui kata atau frasa yang hadir dalam struktur ayat yang mengiringi kata samaran. Sebagai contoh, dalam ayat “Kalau ada *award* utk paling **lembu~**, aku rasa kau menang la, **p3ng3kut** dan **t4kut nak tegur benda s@l@h**” (Ayat 9), kata **p3ng3kut**, **t4kut** dan frasa benda **s@l@h** memberikan petunjuk tentang ketakutan dan sikap pasif, iaitu kualiti yang sinonim dengan konotasi lembu sebagai individu yang tidak melawan. Hal ini membuktikan bahawa dalam konteks sosial digital, kata samaran tersebut digunakan secara penilaian dan beremosi sama seperti kata asalnya.

Dari aspek kolokasi utama (primary collocates), kata, seperti **ikut je**, **sokong walaupun salah**, **telan bulat-bulat** dan **takde prinsip**, muncul berulang dalam beberapa ayat (Ayat 1, Ayat 4 dan Ayat 5) yang menunjukkan rujukan kepatuhan tanpa soal. Sementara itu, kolokasi sampingan (secondary collocates) yang hadir, termasuklah **b0d0w** (Ayat 1), **sampah intelek** (Ayat 2), **tadika** (Ayat 6), **takde taste** (Ayat 8) dan **trend tanpa faham** (Ayat 10), memperkukuh makna penghinaan terhadap tahap intelek atau maruah. Konsep pemindahan makna pula wujud dengan jelasnya apabila struktur fonetik diubah, tetapi fungsi maknanya kekal. Misalnya, ayat “Jgn harap aku nak jadi **l3m8u** mcm kau, ikut je apa si **p4l3ng b0d0** tu cakap, **p3mikiran** kelas tadika” (Ayat 6) memperlihatkan perubahan visual yang

tidak menjejaskan makna penghinaan asal. Malah, bentuk laras algoritma tersebut memindahkan makna asal melalui gaya penulisan kreatif yang lebih sukar dikesan oleh sistem. Dalam masa yang sama, lekapan makna dapat dikesan dalam ayat yang memuatkan unsur hiperbola atau ejekan tambahan, seperti **tahap dewa** (Ayat 8), **takde maruah** (Ayat 7) dan **semua b0d0h pun kau nak ikut sekaki** (Ayat 10). Frasa ini menguatkan kesan penghinaan yang ingin disampaikan.

Akhir sekali, melalui kombinasi semua unsur tersebut, dapat disimpulkan bahawa padanan semantik (semantic alignment) antara kata samaran dengan kata asal adalah sangat tinggi. Perubahan ejaan secara visual tidak mengubah inti pati makna yang dikongsi dalam konteks sosial, dan bentuk laras algoritma, seperti **l3mb00**, **lem8u** atau **l*mbu**, terus berperanan sebagai simbol penghinaan terhadap kepatuhan membuta tuli dan kekurangan kebijaksanaan, selaras dengan makna asal kata **lembu** dalam wacana sosial.

Penyondol (Kategori Sifat Moral atau Perangai Buruk)

Kata “penyondol” yang menyumbang sebanyak 155 kali (5.93 peratus) merupakan bentuk laras algoritma paling kerap digunakan dalam data yang dianalisis daripada kategori sifat moral atau perangai buruk. Kata ini juga memperlihatkan kepelbagaian strategi penyamaran yang kreatif untuk mengelakkan sekatan algoritma sambil mengekalkan kefahaman khalayak terhadap maksud tersirat. Sepuluh bentuk utama telah dikenal pasti. Antaranya termasuklah **p3ny0nd0l**, **penyond0l**, **peny0ndl**, **p3n.y0ndl** dan **pnynndl** yang menggunakan gabungan angka, singkatan dan simbol untuk menggantikan huruf asal. Penggunaan angka 3 dan 0 untuk menggantikan huruf e dan o, serta pengguguran huruf vokal dalam bentuk ringkas, seperti **peny0ndl**, membantu mengekalkan bentuk fonetik kata asal dalam cara yang masih dikenali oleh pembaca. Hal ini mencerminkan strategi penyamaran yang berorientasikan bentuk dan bunyi apabila maksud sebenar masih difahami meskipun ejaannya diubah secara sistematik.

Selain itu, beberapa bentuk penyamaran lain, seperti **p.n.y.o.n.d.o.l** dan **p3n.y0ndl**, menyisipkan tanda baca, seperti titik antara huruf bagi memecahkan struktur ejaan asal, manakala **pēnyondol** memperlihatkan penggunaan simbol asing, seperti euro (€), sebagai variasi huruf “e”. Terdapat juga bentuk penyamaran yang memanfaatkan persamaan fonetik dan konotatif, seperti **peny0ndal**, **penyondul**, dan **penyondok**, yang masih boleh dikenal pasti maknanya berdasarkan konteks dan nada ayat. Dalam bentuk ini, penyamaran dilakukan bukan semata-mata atas faktor

visual, tetapi juga sebagai bentuk permainan makna yang menggambarkan ejekan atau sindiran sinikal terhadap watak penyondol, iaitu individu yang merampas hak atau pasangan orang lain. Semua variasi ini membuktikan bahawa bahasa dalam ruang digital sentiasa berevolusi melalui kreativiti komuniti pengguna, dengan kemampuan menyesuaikan bentuk dan makna agar kekal difahami walaupun sukar dikesan oleh sistem automatik (Cai et al., 2025). Semua 10 bentuk penyamaran laras algoritma bagi kata “penyondol” dapat diteliti melalui Ayat 11 hingga Ayat 20 yang diperoleh daripada data media sosial, yang akan dianalisis lanjut melalui penerapan teori prosodi semantik.

1. Disebabkan si **p3ny0nd0l** tu tak tahu malu, sanggup goda suami orang yang dah ada anak tiga, keluarga tu sekarang dah **berc3rai b3rai** dan anak-anak jadi **m4ngs4 em0si**. [P/la4-442/f]
2. Aku tak faham macam mana **penyond0l** jenis ni boleh bangga tayang gambar mesra dengan laki orang, padahal isteri sah tengah **m3n4ngis t3ruk** kat rumah sebab rumahtangga mereka dah **r4n4p**. [P/la4-099/f]
3. Perempuan jenis **p.n.y.o.n.d.o.l** ni memang tak ada hati perut, tahu lelaki tu dah kahwin tapi masih **t3rg1la-g1la** nak rampas dan akhirnya buat si isteri sah rasa macam **t4k b3rh4rg4**. [P/la4-627/f]
4. Bila **pEnyondol** tu masuk dalam hidup suami orang, dari hari ke hari hubungan suami isteri tu jadi makin **t3g4ng**, sampai akhirnya jatuh **t@l@k** sebab perempuan murahan tu. [P/la4-190/f]
5. Suami dia pun satu, lemah sangat imannya, sampai boleh terperangkap dengan **peny0ndl** yang pandai main ayat manis dan **buat-buat alim** konon nak tolong, tapi niat memang nak **r0s4kk4n rumah tangga** orang. [P/la4-882/f]
6. Kehadiran **p3n.y0ndl** bertopengkan kawan sekerja ni perlahan-lahan hancurkan kepercayaan si isteri, akhirnya dia dapat juga rampas suami orang tu secara **t3rb!uka** lepas rumah tangga orang tu **j4tuh berder4i**. [P/la4-575/f]
7. Semua orang pejabat tahu dia tu **peny0ndal**, jenis tak tahu malu, suka acah baik depan isteri orang tapi belakang siap ada **sk4nd4l s3n4p** dengan laki tu, sampai bini dia **t3kan@n jiwa**. [P/la4-519/f]
8. Apa perasaan perempuan **penyondul** macam tu bila tahu keluarga yang dia hancurkan tu dulu bahagia dan anak-anak terpaksa **berp!s@h** antara mak dan ayah sebab nafsu dia? [P/la4-1049/f]

9. Si **penyondok** tu memang pandai ambil kesempatan, mula-mula nampak konon prihatin bila suami orang tu ada masalah rumah tangga, *last-last* dialah punca **isteri sah disep@k keluar rumah**. [P/la4-4034/f]
10. Betul-betul tak berhati perut **pnynd*I** macam ni, sanggup rosakkan hubungan halal orang lain demi nak hidup mewah, padahal tahu lelaki tu dah ada anak isteri yang **setia & b3rjuang s@m@s@m@** dari kosong. [P/la4-2223/f]

Dengan berdasarkan Ayat 11 hingga Ayat 20, dapat diperhatikan perilaku kata “penyondol” dalam bentuk laras algoritma yang muncul dalam pelbagai variasi, seperti **p3ny0nd0l**, **penyond0l**, **p.n.y.o.n.d.o.l** dan **peny0ndl**. Transformasi bentuk ini mengekalkan padanan bentuk yang kuat kerana struktur asas suku kata dan susunan konsonan–vokal masih dapat dikenali. Sebagai contoh, **p3ny0nd0l** (Ayat 11), **penyond0l** (Ayat 12) dan **p.n.y.o.n.d.o.l** (Ayat 13) masih mengekalkan rentak fonetik kata asal dengan hanya menggantikan huruf vokal kepada angka atau menyisipkan simbol, manakala bentuk, seperti **penyondok** (Ayat 19) dan **peny0ndal** (Ayat 17) menunjukkan variasi fonetik, tetapi kekal dalam bidang makna yang sama. Ha ini menyumbang padanan makna yang konsisten kerana semua bentuk merujuk individu (kebanyakannya wanita) yang merampas pasangan orang lain.

Padanan konteks pula dapat dikenal pasti melalui unsur leksikal negatif yang mengiringi penggunaan kata samaran. Dalam ayat “Disebabkan si **p3ny0nd0l** tu tak tahu malu, sanggup goda suami orang ...” (Ayat 11), frasa, seperti **tak tahu malu**, **goda suami orang** dan **anak-anak jadi mangsa emosi**, memperlihatkan sekitaran semantik yang jelas bersifat penghinaan dan kecaman. Antara kolokasi utama yang sering muncul termasuklah **rampas**, **hancurkan rumah tangga**, **goda suami orang** dan **isteri sah** (Ayat 13, Ayat 16 dan Ayat 18), manakala kolokasi sampingan merangkumi frasa, seperti **murahan** (Ayat 14), **buat-buat alim** (Ayat 15) dan **skandal senyap** (Ayat 17), menguatkan lagi unsur kesetaraan antara kata samaran dengan kata asal. Hal ini turut menunjukkan bahawa bentuk laras algoritma kata “penyondol” membawa muatan semantik negatif yang sangat padat dan stabil.

Pemindahan makna dapat diperhatikan apabila perubahan bentuk ejaan dalam kata, seperti **pennyondol** (Ayat 14) atau **pnyndl*** (Ayat 20), yang tidak mengubah kekuatan penghinaan terhadap subjek yang dituju. Bahkan, dalam ayat “Betul-betul tak berhati perut **pnyndl** macam ni ...” (Ayat 20), kesan semantik makin intensif kerana bentuk ejaan yang aneh

menambah unsur sarkastik dan kemarahan. Lekapan makna juga wujud apabila kata samaran digunakan bersama-sama kata emosional seperti ranap, rosakkan, dihancurkan atau ditendang keluar rumah (Ayat 12, Ayat 14 dan Ayat 19), yang membuktikan bahawa makna tersirat kata asal tetap disampaikan secara jelas dan lantang.

Akhirnya, dari sudut padanan semantik, dapat dirumuskan bahawa walaupun bentuk laras algoritma diubah secara visual untuk mengelakkan pengesanan sistem kawalan kandungan, makna penilaian asal tetap dikekalkan melalui konteks, kolokasi dan muatan emosi. Hal ini membuktikan bahawa kata “penyondol” dalam bentuk laras algoritma bukan sahaja dikenali oleh khalayak, malah membawa nilai dan konotasi negatif yang serupa dengan bentuk asalnya. Dengan itu, fenomena ini mengesahkan kekuatan prosodi semantik dalam aspek jaminan kesetaraan makna walaupun bentuknya disamarkan.

Macai Politik (Kategori Politik atau Ideologi)

Frasa kata “macai politik” yang merupakan bentuk laras algoritma yang menduduki tangga ketiga tertinggi (sebanyak 145 sebutan atau 4.85 peratus) daripada semua kata yang dianalisis dalam perbualan digital, digunakan bagi merujuk individu yang menyokong sesebuah parti atau pemimpin secara membuta tuli tanpa hujah rasional. Kepelbagaian penyamaran kata ini memperlihatkan kreativiti tinggi pengguna media sosial dalam memanipulasian bentuk linguistik tanpa menjejaskan kefahaman maksud sebenar. Antara bentuk penyamaran yang kerap ditemukan termasuklah **m4c41 p011t!k**, **m@c@i p013t1k** dan **m@chai p011tik** yang memanfaatkan penggantian huruf vokal dengan simbol atau nombor, seperti @ (a), 4 (a), dan 1 (i), bagi menyukarkan pengesanan automatik oleh algoritma platform. Variasi ini mengekalkan struktur fonetik asal dan makna kata secara kontekstual.

Terdapat juga bentuk yang memperlihatkan penyamaran fonetik dan satira yang lebih kompleks, seperti **m.a.c.a.i p.o.l.i.t.i.k** yang menggunakan titik antara huruf untuk memecah struktur ejaan, serta **mekei palatak**, **machai polotip** dan **maxxai polituk** yang memaparkan ejaan loghat, gabungan huruf berganda dan permainan suku kata sebagai bentuk penyamaran bergaya ejekan. Bentuk, seperti **macaai poletik** pula memperlihatkan penggandaan huruf bagi menyatakan sindiran sinikal, manakala **m4ch4i pelituk** mencerminkan ironi fonetik yang mudah dikenali oleh khalayak dalam konteks politik semasa. Semua bentuk ini

memperkuh bukti seperti yang diperkatakan oleh Reagle dan Gaur (2022), iaitu dalam wacana politik digital, penyamaran bukan sahaja bertujuan untuk melindungi unsur bahasa daripada algoritma, tetapi juga sebagai alat ekspresif dan manipulatif bagi menyampaikan ideologi secara tersirat, namun tetap difahami oleh komuniti pengguna.

1. Budak **m4c41 p0!t!k** ni sanggup pertahan pemimpin dia walaupun dah jelas-jelas kantai menipu rakyat, siap kutuk orang lain dengan bahasa **t0k4k h!n4**, asal dapat **p0!nt mur@h** dari bos. [MP/la9-391/f]
2. Tak payah cakap banyak, si **m@c@i p0!3t!k** tu memang kerja dia ulang cakap bos dia tanpa fikir, macam **r0b0t t4ksub** yang hidup hanya untuk **j!l4t ku4s4**. [MP/la9-2201/f]
3. Dalam setiap komen, **mci p0!t!k** ni akan muncul pertahankan pemimpin dia dengan penuh **k3b0d0han**, walaupun hujah dia langsung tak masuk akal dan penuh **fitn@h level d!w4**. [MP/la9-1991/f]
4. Tak cukup dengan hasut maya, si **m.a.c.a.i p.o.l.i.t.i.k** ni siap buat akaun palsu semata-mata nak *back-up* pemimpin dia yang **k4nt0i songl4p**, memang jenis **t4kde pend1ri4n** dan ikut je arus parti. [MP/la9-1293/f]
5. Si **mekei palatak** tu kalau pemimpin dia suruh serang, dia serang; suruh puji, dia puji, semua dibuat tanpa soal macam **b3l4ci p3k4k**, langsung tak ada pendirian sendiri. [MP/la9-1151/f]
6. Si **m4ch4i pelituk** ni jenis yang kalau pemimpin dia kentut pun dia akan kata wangi, punya lah **t4ksub mel4mp4u**, sampai tak sedar diri dia cuma **alat untuk propaganda**. [MP/la9-717/f]
7. Dalam setiap ruang komen, **maxxai polituk** ni akan ulang naratif bos dia walau dah 10 kali dibuktikan salah, siap tabur **f4kt4 m3r4pu** dan gelar orang lain **pengkh!4n4t n3gara**. [MP/la9-657/f]
8. Si **macaaai poletik** ni bukan main lagi aktif dalam live, komen tak henti, pertahankan pemimpin walau video rasuah dah tersebar, seolah-olah dia **dah kena b4y4r untuk k3setiaan buta** tu. [MP/la9-905/f]
9. Kita semua tahu **machai polotip** macam ni wujud sebab mereka ni jenis **ot4k ud4ng**, tak mampu fikir kritikal, jadi semua yang pemimpin dia buat dianggap betul seratus peratus. [MP/la9-404/f]
10. Dalam debat politik maya, **m@chai p0!tik** ni muncul dengan hujah *copy-paste* dari **p4ge t4ksub**, siap maki orang yang tak sehaluan, macam dia tu **penj1l4t t3g4r tak bersyarat**. [MP/la9-4309/f]

Dengan berdasarkan Ayat 21 hingga Ayat 30, dapat diperhatikan bentuk laras algoritma untuk frasa “macai politik” yang masih mengekalkan padanan bentuk yang kuat walaupun ejaan diubah secara kreatif. Contoh, seperti **m4c41 p011t!k** (Ayat 21), **m@c@i p013t1k** (Ayat 22) dan **m.a.c.a.i p.o.l.i.t.i.k** (Ayat 24), masih mengekalkan struktur suku kata asal dan rentak fonetik yang membolehkan pembaca mengenali maksud kata walaupun wujud gangguan visual melalui simbol dan nombor. Dalam semua ayat ini, padanan makna tetap utuh apabila bentuk laras algoritma digunakan secara konsisten untuk merujuk individu yang mempertahankan pemimpin atau parti politik secara membata tuli.

Bagi padanan konteks pula, konsep ini jelas dapat diperhatikan dalam penggunaan kata laras algoritma bersama-sama kolokasi utama, seperti **kutuk orang lain** dan **jilat kuasa** (Ayat 21–Ayat 22), **pertahankan pemimpin** (Ayat 23) dan **akaun palsu, tiada pendirian** (Ayat 24), sementara kolokasi sampingan dapat diteliti menerusi frasa, seperti **taksub melampau** (ayat 26), **fakta merapu** (Ayat 27), **kena bayar** (Ayat 28) dan **penjilat tegar** (Ayat 30). Gabungan ini menunjukkan penggunaan kata secara eksplisit dalam konteks mengecam, memperlekeh dan merendahkan individu yang dianggap sebagai alat propaganda politik, sekaligus memperkukuh pemindahan makna daripada bentuk frasa asal “macai politik” kepada variasi laras algoritma.

Penggunaan pelbagai bentuk laras algoritma dalam ayat ini juga menunjukkan lekapan makna yang mengandungi beban emosi dan ideologi. Contohnya, ayat “Si **m4ch4i pelitik** ni jenis yang kalau pemimpin dia kentut pun dia akan kata wangi” (Ayat 26) menyampaikan ejekan tajam terhadap ketaatan yang tidak kritikal yang menunjukkan makna tersirat yang kekal kuat walaupun ejaan diubah. Perkara ini menyumbang padanan semantik yang kukuh antara kata samaran dengan kata asal kerana mesej penghinaan terhadap sikap taksub politik tetap diterima dengan jelasnya oleh pembaca. Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa walaupun bentuk ejaan dimanipulasikan secara kreatif, prosodi semantik bagi frasa “macai politik” dalam bentuk laras algoritma tetap menyampaikan makna asal dengan kekuatan yang setara, disokong oleh kolokasi negatif, suasana penghinaan dan konteks politik digital yang sarat dengan ideologi. Keadaan ini memperkukuh dapatan bahawa bentuk laras algoritma mampu mengekalkan kekuatan semantik melalui strategi penyamaran linguistik dalam media sosial.

Sebagai rumusan keseluruhan bagi objektif kedua pula, dapat dikatakan bahawa pengguna media sosial memanfaatkan pelbagai variasi bentuk penyamaran bagi memastikan mesej tersiratnya tetap difahami

oleh khalayak, tetapi sukar dikesan oleh sistem algoritma. Variasi yang digunakan meliputi manipulasi visual, seperti penggantian huruf dengan nombor (**l3mb00**, **p3ny0nd0l** dan **m4c41 p0ll1t!k**), penggunaan simbol asing (**p€nyondol** dan **m@chai**), sisipan tanda baca (**l.e.m.b.u** dan **p.n.y.o.n.d.o.l**), pengguguran vokal (**peny0ndl**), penggandaan huruf (**lembuuuu** dan **macaaai**), serta penciptaan ejaan fonetik sinikal (**mekei palatak** dan **penyondok**). Kepelbagaian ini membuktikan bahawa pengguna mengadaptasi strategi linguistik yang kreatif untuk mengekalkan bentuk kata asal secara samar, tetapi tetap dikenali maknanya dalam kalangan komuniti digital yang memahami kod tersebut. Strategi ini menyerlahkan evolusi bahasa dalam ruang media sosial sebagai alat komunikasi tersirat yang tetap efektif dalam menyampaikan sindiran, ejekan atau serangan terhadap pihak tertentu. Dapatan ini sekali gus menyokong dapatan kajian terdahulu yang dilakukan oleh Steen et al. (2023), serta Fillies dan Paschke (2024), yang menunjukkan penggunaan meluas bentuk laras algoritma untuk mengelakkan sekatan algoritma, dan dalam masa yang sama masih mengekalkan kefahaman secara kolektif bagi komuniti digital.

Sementara itu, bagi penerapan analisis prosodi semantik untuk mengenal pasti kesetaraan makna tersirat antara kata samaran berbentuk laras algoritma dengan kata asal bagi kata “lembu”, “penyondol” dan “macai politik”, dapat dibuktikan bahawa transformasi bentuk ejaan tidak menjejaskan kekuatan makna yang dibawa oleh kata asal. Sebaliknya, bentuk laras algoritma masih mengekalkan padanan bentuk yang rapat dengan struktur fonetik kata asal, manakala padanan makna dan padanan konteks pula dapat dikesan secara konsisten dalam ayat yang memuatkan ekspresi negatif. Kolokasi utama dan kolokasi sampingan, seperti **ikut je tanpa fikir**, **takde prinsip**, **rampas suami orang**, **tak tahu malu**, **jilat kuasa**, **taksub melampau** dan **tiada pendirian**, menjadi penanda kuat bagi pemindahan makna dan lekapan makna dalam ujaran berbentuk penghinaan dan sindiran. Dari sudut makna penilaian, dapatan menunjukkan bahawa kata “penyondol” sering dikaitkan dengan konotasi emosional marah dan benci melalui kolokasi berulang, seperti **rampas suami orang** atau **tak tahu malu**. Bagi frasa “macai politik”, konotasi emosional yang dominan ialah ejekan dan penghinaan yang terbentuk melalui kolokasi, seperti **jilat kuasa**, **taksub melampau** atau **tiada pendirian**. Sementara itu, kata “lembu” memunculkan konotasi merendahkan martabat intelektual seseorang melalui kolokasi, seperti **ikut je tanpa fikir** atau **takde prinsip**. Penilaian emosional yang timbul daripada kolokasi berulang ini membuktikan bahawa meskipun ejaan disamarkan, makna tersirat kekal

stabil kerana diperkukuh oleh persefahaman kolektif pengguna media sosial. Konsep ini sejajar dengan penegasan Stewart (2010) bahawa prosodi semantik merangkumi bukan sahaja makna literal kata, tetapi juga muatan penilaian yang dibentuk melalui kolokasi dan konteks penggunaan. Dapatan ini menepati penyelidikan korpus oleh Zhang (2010) yang menegaskan peranan prosodi dalam pengesanan makna tersembunyi, serta kajian oleh Fuqua (2019) dan Sarhad dan Mahmod (2023) yang membuktikan bahawa elemen kolokasi berperanan penting dalam pembentukan persepsi semantik terhadap kata, termasuklah apabila digunakan secara tidak literal. Hasil daripada kombinasi ini, padanan semantik antara kata samaran dengan kata asal dapat disahkan kewujudannya secara konsisten. Hal ini membuktikan bahawa dalam budaya komunikasi digital, prosodi semantik tetap berfungsi walaupun bentuk bahasanya disamarkan dan makna penilaian yang ingin disampaikan kekal terserlah melalui pola kolokasi dan persefahaman kolektif dalam komuniti pengguna media sosial.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, menerusi kajian yang berteraskan pendekatan kualitatif deskriptif–pragmatik melalui penerapan teori prosodi semantik dengan janaan data secara automatik menggunakan aplikasi PhantomBuster berdasarkan Application Programming Interface (API) di Facebook, pengkaji berjaya mengenal pasti kategori jenis kata yang lazim disamarkan dalam bentuk laras algoritma untuk menggambarkan sisi negatif manusia, serta menganalisis kesetaraan makna tersirat antara kata samaran berbentuk laras algoritma dengan kata asal. Menerusi kajian ini, didapati bahawa pengguna media sosial cenderung untuk menyasarkan kelemahan individu dari pelbagai sudut, seperti fizikal, moral, mental, sosial dan ideologi. Pengguna ini menggunakan bentuk penyamaran kreatif, seperti penggantian huruf dengan angka, penggunaan simbol, ejaan fonetik sinikal dan penggandaan huruf, bagi membentuk sistem komunikasi tersirat yang dapat difahami oleh komuniti, namun sukar dikesan oleh sistem algoritma. Penerapan teori prosodi semantik pula mengesahkan bahawa meskipun bentuk ejaan diubah, makna penilaian yang terkandung dalam kata asal tetap dapat dikesan melalui kolokasi dan konteks ujaran, sekali gus membuktikan kewujudan padanan makna yang konsisten antara kata samaran dengan kata asal.

Penemuan ini membuktikan bahawa bahasa dalam komunikasi digital bersifat dinamik dan terus berkembang melalui kreativiti kolektif pengguna. Kajian ini turut memperkukuh nilai praktikal teori prosodi

semantik dalam konteks wacana. Hal ini terserlah apabila pengkaji berjaya mengenal pasti kategori jenis kata yang lazim disamakan dalam bentuk laras algoritma untuk menggambarkan sisi negatif manusia, seperti berkaitan emosi, mentaliti lemah, metafora haiwan, perlakuan seksual, dan sifat moral. Selain itu, menerusi analisis kesetaraan makna tersirat antara kata samaran berbentuk laras algoritma dengan kata asal, pengkaji membuktikan bahawa makna penilaian yang tersirat dapat dipetakan melalui pola kolokasi dan konteks penggunaannya dalam media sosial. Penerapan analisis kolokasi dan penilaian konteks turut membuktikan bahawa bentuk bahasa yang disamakan masih membawa mesej penilaian yang jelas, seterusnya menjadikan teori ini sebagai pendekatan empirik yang efektif dan relevan dalam kajian semantik kontemporari. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang pengembangan metodologi dalam bidang semantik, tetapi juga memperkaya wacana linguistik digital dan membuka ruang untuk penyelidikan kontemporari yang lebih mendalam mengenai bentuk penyamaran bahasa dalam ekosistem komunikasi digital pada masa ini.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap seluruh penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Ahmed, K., Khan, M. A., Haq, I., Mazroa, A., Syam, M. S., Innab, N., Alajmi, M., & Alkahtani, H. K. (2021). Social media's dark secrets: A propagation, lexical and psycholinguistic oriented deep learning approach for fake news proliferation. *Expert Systems with Applications*, 255(C), 1–21.
- Ali Muttaleb Hasan, Noorhuzaimi Mohd Noor, Taha Hussein Rassem, Shahrul Azman Mohd Noah & Ahmed Muttaleb Hasan. (2020). A proposed method using the semantic similarity of wordnet 3.1 to handle the ambiguity to apply in social media text. Dlm. K. J. Kim, & H. Y. Kim. (Pnyt.), *Information science and applications* (hlm. 621). Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-15-1465-4_47
- Braun, V., & Clarke, V. (2022). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Cai, J., Ishimizu, Y., Zhang, M., Li, M., Li, J., & Tei, K. (2025). Simulation of language evolution under regulated social media platforms: A synergistic approach of large language models and genetic algorithms. *IEEE Transactions on Computational Social Systems*, 8.X(X), 1–12. <https://arxiv.org/pdf/2502.19193>
- Camaj, L., Hellmueller, L., Vallejo Vera, S., & Lindner, P. (2024). The democratic value of strategic game reporting and uncivil talk: A computational analysis of Facebook conversations during US Primary Debates. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 101(2), 428–450. <https://doi.org/10.1177/10776990231226403>
- Davis, W. (2023). *Implicature: Intention, convention, and principle in the failure of Gricean theory*. Oxford University Press.
- Dean Yeo, & Su-Hie Ting. (2017). Netspeak features in Facebook communication of Malaysian university students. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 6(1), 81–90.
- Devi, M. D., & Saharia, N. (2024). Identification of domain-specific euphemistic tweets using clustering. *International Journal of Information Technology*, 16(1), 21–31.
- Di Marco, N., Loru, E., Bonetti, A., Serra, A. O. G., Cinelli, M., & Quattrociocchi, W. (2024). The evolution of language in social media comments. *Physics and Society*. <https://arxiv.org/pdf/2406.11450>
- Eiswirth, M. E. (2020). Evaluating the representativeness of a small qualitative sample with data from the Diabetes Online Community on Twitter: A mixed methods study (Preprint). JMIR Publications. <https://preprints.jmir.org/preprint/25253>
- Ezeudo, C. O. (2024). Exploring the impact of social media on language use and literacy skills. *Crowther Journal of Arts and Humanities*, 1(6), 86–99.
- Farkas, J., & Neumayer, C. (2018). Disguised propaganda from digital to social media. Dlm. J. Hunsinger, L. Klastrup, & M. Allen, (Pnyt.), *Second international handbook of internet research* (hlm. 1–17). Springer.

- Farrow, K., Grolleau, G., & Mzoughi, N. (2021). ‘Let’s call a spade a spade, not a gardening tool’: How euphemisms shape moral judgement in corporate social responsibility domains. *Journal of Business Research*, 131, 254–267.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Muhammad Syafreza Azwan Pisol. (2021). Slanga dalam media sosial: Satu pendekatan minimalis. *E-Bangi, Journal of Social Science and Humanities*, 19(3), 151–161.
- Fillies, J., & Paschke, A. (2024). Simple LLM based approach to counter laras algoritma. *Proceedings of the 8th Workshop on Online Abuse and Harms (WOAH 2024)* (hlm. 136–145). <https://aclanthology.org/2024.woah-1.10/>
- FullEnrich. (t. t.). Phantombuster: In-depth analysis. <https://fullenrich.com/tools/Phantombuster-vs-Datagma>
- Fuqua, J. (2019). Semantic prosody: The phenomenon of ‘prosody’ in lexical patterning. *Journal of Language Teaching and Learning*, 4(2), 76–83.
- Gerbaudo, P. (2024). TikTok and the algorithmic transformation of social media publics: From social networks to social interest clusters. *New Media and Society*, 0(0). <https://doi.org/10.1177/14614448241304106>
- Gohil, H., & Smith, V. (2024). An analysis of algospeak and the dreaded algorithm. *International Journal of Advanced Research*, 12(10), 656–669. <https://dx.doi.org/10.21474/IJAR01/19684>
- Grabowski, L., & Trklja, A. (2024). Unravelling the complexity of semantic prosody: A theoretical inquiry. *Journal of Pragmatics*, 226, 89–102.
- Grieve, J., Nini, A., & Guo, D. (2018). Mapping lexical innovation on American social media. *Journal of English Linguistics*, 46(4), 293–319.
- Hishamudin Isam. (2024). Laras algoritma and digital culture: Navigating social media challenges. *Proceedings of the Third International Conference on Communication, Language, Literature and Culture (ICCOLlic 2024)*, 10 September 2024, UNS Tower Hotel, Surakarta, Indonesia. <https://www.atlantis-press.com/proceedings/iccollic-24/126006853>
- Hishamudin Isam. (2025). From digital technology to society: Laras algoritma and communication styles on social media in the Era of Artificial Intelligence (AI). *Proceedings of the International Joint Conference on UNESA*, 2(2), 88–104. <https://proceeding.unesa.ac.id/index.php/pijcu/article/view/4461>
- Jahan, R., & Irfan, M. (2021). Semantic change in English language: Social media neologisms. *Pakistan Languages and Humanities Review*, 5(2), 638–646. [http://doi.org/10.47205/plhr.2021\(5-II\)2.47](http://doi.org/10.47205/plhr.2021(5-II)2.47)
- Klug, D., Steen, F. F., & Yurechko, M. (2023). How algorithm awareness impacts laras algoritma use on TikTok. *Companion Proceedings of the ACM Web Conference 2023*, Austin, TX, USA. https://dl.acm.org/doi/pdf/10.1145/3543873.3587355?casa_token
- Mandy Lau. (2022). Content moderation as language policy: Connecting commercial content moderation policies, regulations, and language policy. *Working Papers in Applied Linguistics and Linguistics at York*, 2, 1–12. <https://doi.org/10.25071/2564-2855.11>

- Mardina Hj Mahadi, & Nurul Azyan Zunaidi. (2021). Analisis kata pikat dalam media sosial: Satu kajian semantik. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 129–162. [https://doi.org/10.37052/jb21\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jb21(1)no7)
- Mohd Norazizi Samsudain, & Mardian Shah Omar. (2022). Penggunaan unsur bahasa negatif terhadap hantaran isu 1MDB oleh pengguna Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(1), 87–107.
- Moskal, M., & Supernak, N. (2023). Do you speak laras algoritma? An introduction to the recent yet prominent phenomenon of Internet discourse from a cognitive linguistics perspective. *Proceeding of Poznańskie Forum Kognitywistyczne*. <http://pfk.home.amu.edu.pl/>
- M. S. Nik Puteri Fatin Nor'ain, & Maslida Yusof. (2024). Bahasa singkatan dalam komunikasi di media sosial dalam kalangan Generasi Z. *Jurnal Linguistik*, 28(2), 1–18.
- Narayanan, A. (2023, 9 Mac). Understanding social media recommendation algorithms. *Knight First Amendment Institute*. <https://knightcolumbia.org/content/understanding-social-media-recommendation-algorithms>
- Nurasia Natsir, Aziza Aliah, Zulkhaeriyah Zulkhaeriyah, Amirudin Amirudin, & Farida Esmianti. (2023). The impact of language changes caused by technology and social media. *Language Literacy: Journal of Linguistics Literature and Language Teaching*, 7(1), 115–124.
- Nur Nashatul Nasuha Nazman, Su-Hie Ting, & Kee-Man Chuah. (2023). Lexical innovation processes of youth netspeak on Malay Twitter posts. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 23(1), 40–59. <http://doi.org/10.17576/gema-2023-2301-03>
- Page, R., Barton, D., Unger, J. W., & Zappavigna, M. (2014). *Researching language and social media: A student guide*. Routledge.
- PhantomBuster. (2024). *Documentation and features overview*. <https://phantombuster.com>
- Pocock, E. (2025). *Investigating “laras algoritma” on social media platforms: A semi-systematic meta-narrative literature review with Orange-based text-mining* [Tesis sarjana, University of Borås, Sweden]. <https://hb.diva-portal.org/smash/record.jsf?pid=diva2%3A1959435>
- Pornthip Supanfai. (2017). *Semantic prosody in Thai* [Tesis doktor falsafah, Lancaster University]. [https://www.research.lancs.ac.uk/portal/en/publications/semantic-prosody-in-thai\(7e27e306-c147-4cea-9786-f142cc6bf012\).html](https://www.research.lancs.ac.uk/portal/en/publications/semantic-prosody-in-thai(7e27e306-c147-4cea-9786-f142cc6bf012).html)
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2025). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=eufemisme&d=250808&>
- Reagle, J. M., & Gaur, M. (2022). Spinning words as disguise: Shady services for ethical research? *First Monday*, 27(1), 1–21. <https://doi.org/10.5210/fm.v27i1.12350>
- Rossini, P. G. C., Stromer-Galley, J., & Zhang, F. (2020). Exploring the relationship between campaign discourse on Facebook and the public's

- comments: A case study of incivility during the 2016 US presidential election. *Political Studies*, 69(1), 89–107. <https://doi.org/10.1177/0032321719890818>
- Russnes, M. (2024). Semantic prosody, semantic transfer and semantic change. *ICAME Journal*, 48(1), 67–88. <https://doi.org/10.2478/icame-2024-0004>
- Sarhad, J. S., & Mahmud, R. A. (2023). A corpus-based study of semantic prosody across a native corpus. *Journal of the University of Garmian*, 10(3), 902–909. <https://doi.org/10.24271/garmian.2023.10378>
- Serodio, P. M., Al Baghal, T., Sloan, L., Liu, S., & Jessop, C. (2024). Augmenting surveys with social media data: A probabilistic framework for LinkedIn data linkage. *International Journal of Population Data Science*, 9(4). <https://doi.org/10.23889/ijpds.v9i4.2433>
- Sigit Haryanto, Rani Setiawaty, Laily Rahmatika, Agus Budi Wahyudi, Mohammed Shamsul Hoque, Fatikhatun Najikhah, & M. Monjurul Islam. (2023). The use of social media: Metaphorical euphemism in Indonesian President's Facebook comments. *LiNGUA: Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra*, 18(1), 107–118.
- Singer, N. (2022). *The negative effects of social media algorithms* [Tesis sarjana muda, Schreyer Honors College, The Pennsylvania State University]. United State of America. https://honors.libraries.psu.edu/files/final_submissions/8388
- Steen, E., Yurechko, K., & Klug, D. (2023). You can (not) say what you want: Using laras algoritma to contest and evade algorithmic content moderation on TikTok. *Social Media + Society*, 9(3), 1–17. <https://doi.org/10.1177/20563051231194586>
- Stewart, D. (2010). *Semantic prosody: A critical evaluation*. Routledge.
- Wulansari. (2021). The collocation meaning of “vaccine” on semantic approach: A corpus-based analysis. *Haluan Sastra Budaya*, 5(1), 77–88.
- Yang, C. (2024). Explorations in semantic prosodies study based on near synonyms. *Evaluation of Educational Research*, 2(1). <https://doi.org/10.18686/eer.v2i1.3483>.
- Yi Shan. (2023). Form (prosody)-meaning (pragmatics) pairings of discourse markers: A case study of nǐ zhīdào (‘you know’) as a construction in Chinese media interviews. *Language & Communication*, 93, 136–154. <https://doi.org/10.1016/j.langcom.2023.09.004>
- Zhang, C. (2010). An overview of corpus-based studies of semantic prosody. *Asian Social Science*, 6(6), 190–194.
- Zhao, X. (2025). Social media data analysis and application research in the era of digital economy. *Journal of Business and Economic Research*, 1(1), 59–64. <https://www.sci-open.net/index.php/JBER/article/view/415/433>
- Zulfati Izazi Zulkifli, & Tengku-Sepora Tengku Mahadi. (2020). Slangs on social media: ariations among Malay language users on twitter. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 28(1), 17–34.